



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 28 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182139/hentikan-keganasan-terhadap-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KES DERA MENINGKAT DI MELAKA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/636719/edisi/melaka-ns/kes-dera-meningkat-di-melaka	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034520/melaka-rekod-211-kes-dera-sejak-januari-hingga-31-oktober	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2248319	BERNAMA.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/11/27/kes-dera-di-melaka-meningkat-cuai-dan-masalah-kewangan-punca-utama/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/melaka-rekod-211-kes-dera-sejak-januari-hingga-31-okt-PO11797080	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	WARIS EMPAT BERADIK DITINGGALKAN DI KOMPLEKS KG GAJAH SEDANG DIKESAN	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/27/waris-empat-beradik-ditinggalkan-di-kompleks-kg-gajah-sedang-dikesan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/983534/police-tracing-parents-kids-abandoned-near-ipoh	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK INISIATIF TERBAIK TINGKAT KEBAJIKAN MEREKA: TIANG	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/27/sambutan-hari-kanak-kanak-inisiatif-terbaik-tingkat-kebajikan-mereka-tiang	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	TIADA KESAN DERA PADA EMPAT BERADIK 'DIHALAU' NENEK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/27/tiada-kesan-dera-pada-empat-beradik-dihalau-nenek/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/tiada-kesan-dera-pada-empat-beradik-ditinggalkan-tanpa-penjagaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/983471/no-signs-abuse-found-4-siblings-abandoned-perak-tengah-administrative	NST.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-kesan-dera-pada-4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal/	BULETINTV3.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1182304/4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-bukan-mangsa-dera	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	JKM MOHON PERINTAH JAGA 4 BERADIK DITINGGALKAN DI PONDOK PENGAWAL	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/27/jkm-mohon-perintah-jaga-4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-dapatkan-perintah-jaga-empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-447725	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182261/jkm-dapatkan-perintah-jaga-4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/636767/berita/semasa/jkm-dapatkan-perintah-jaga-4-beradik-ditinggal-di-pondok-pengawal	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034697/jkm-dapatkan-perintah-jaga-4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-akan-dapatkan-perintah-jaga-4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	TASKA PERLU GUNA INDIVIDU TERLATIH JAGA ANAK-ANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034512/taska-perlu-guna-individu-terlatih-jaga-anak-anak	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


28/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	4.6 TAN BARANGAN KEPERLUAN DIHANTAR KE PENGGALAN HADAPAN PULAU REDANG	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai- artikel/4-6-tan-barangan-keperluan-dihantar-ke-penggalan-hadapan- pulau-redang	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	'EVERY CHILD MATTERS': NGO AND CORPORATE EFFORTS CONTINUE TO SAVE MARGINALISED CHILDREN IN MALAYSIA	
	https://www.malaymail.com/news/life/2023/11/27/every-child-matters- ngo-and-corporate-efforts-continue-to-save-marginalised-children-in- malaysia/104498	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PERSATUAN PEMBANGUNAN WANITA SABAH MOHON BANTUAN KERAJAAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/27/persatuan- pembangunan-wanita-sabah-mohon-bantuan-kerajaan	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	EASY ACCESS TO PORN AMONG REASONS BEHIND SEX CRIMES AGAINST CHILDREN, SAYS HOME MINISTER	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/27/easy-access-to- porn-among-reasons-behind-sex-crimes-against-children-says-home- minister	THESTAR.COM.MY



Hentikan keganasan terhadap wanita

Dia: Tayyebah Ahmad Rizki, November 27, 2023 @ 11:54am
lhwana@fb.com.my



KUALA LUMPUR: Sejak tahun 2000, 25 November dipilih sebagai Hari Antarabangsa Bagi Menangani Keganasan Terhadap Wanita melalui resolusi Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kempen itu bertujuan menjemput kerajaan, pertubuhan antarabangsa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama menganjurkan aktiviti bagi meringankan kempen kesedaran, advokasi dan menggalakkan perkongsian maklumat serta inovasi dalam mencegah dan membasmi keganasan terhadap wanita di seluruh dunia.

Tema warna oren atau jingga juga dipilih sebagai lambang solidariti terhadap kempen ini kerana ia melambangkan masa hadapan yang lebih cerah dan bebas daripada keganasan khususnya untuk wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menggerakkan kempen ini dengan tema Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di peringkat Antarabangsa iaitu UNITE! Invest to Prevent Violence Against Women and Girls.

Tema itu menyeru rakyat untuk menunjukkan betapa mereka perlu mengambil berat menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta menyeru kerajaan di seluruh dunia untuk melabur dalam pencegahan keganasan berasaskan jantina.

KPWKM turut bekerjasama dengan United Nations Population Fund (UNPFA) dalam melaksanakan program International Day for the Elimination of Violence Against Women sebagai langkah menyahut saranan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dalam usaha memastikan toleransi sifar terhadap sebarang jenis keganasan.

Jumaat malam lalu, Menara Kuala Lumpur turut disinari dengan lampu berwarna oren iaitu warna global tanda solidariti bagi memamatkan keganasan terhadap wanita.

Ia disusuli dengan Majlis Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada 25 November yang diadakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang di sini, yang disempurnakan oleh Nancy.

Pada majlis itu, Nancy dalam ucapannya menyeru semua pihak untuk bergandeng bahu bersama-sama memamatkan peranan dalam memastikan keganasan terhadap wanita dapat ditangani.

Beri wanita lebih peluang



Menara Kuala Lumpur disinari dengan lampu berwarna oren sebagai tanda solidariti bagi memamatkan keganasan terhadap wanita.

Selain itu, beliau juga mahu wanita di negara ini sentiasa diberikan peluang yang saksama untuk mencapai potensi mereka.

"Isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan sering menjadi fokus utama kerana ia melangkaui batas sempadan, agama, bangsa dan budaya.

"Berdasarkan laporan PBB, hampir satu daripada tiga wanita seluruh dunia mengalami keganasan fizikal atau keganasan seksual sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka," katanya.

Beliau berkata, terdapat lima bentuk keganasan yang dikenal pasti boleh berlaku kepada wanita, iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan sosial, penderaan kewangan serta penderaan psikologi dan emosi.

Katanya, masyarakat lebih mengetahui mengenai penderaan fizikal dan seksual, tetapi ramai yang kurang sedar mengenai jenis bentuk keganasan lain yang boleh berlaku terhadap wanita.

"Ugutan, penghinauan, menjatuhkan maruah wanita adalah bentuk penderaan psikologi dan emosi, manakala jika seorang wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan daripada mendapat sokongan luar, ia dikategorikan sebagai penderaan sosial.

"Penderaan kewangan pula diterjemahkan sebagai tindakan menghalang seorang wanita untuk mempunyai kebebasan memiliki, berbelanja dan mengawal sumber kewangannya," katanya.

Nancy berkata, di Malaysia kes keganasan terhadap wanita masih pada tahap membimbangkan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan terhadap wanita yang membabitkan keganasan rumah tangga, jenayah rogol dan gangguan seksual di seluruh negara mencatatkan sebanyak 9,334 kes pada 2021 dan 8,590 kes pada 2022.

Bagi tahun ini pula katanya, sehingga Ogos 2023, sebanyak 5,050 kes direkodkan.

"Bilangan ini sangat tinggi, namun realitinya, masih banyak kes yang tidak dilaporkan oleh kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi.

"Vies keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh pasangan wanita yang membabitkan suami, bekas suami atau teman lelaki," katanya.

Justeru, beliau berkata, dalam menangani isu keganasan terhadap wanita, KPWKM konsisten dalam usaha untuk melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif yang berkaitan.

Katanya, antara inisiatif yang diambil ialah pengubalan Akta Antingangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang telah diwartakan pada 18 Oktober 2022.

"Akta ini adalah satu Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual dan diharap dapat membantu pemandiri untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan pampasan sivil dapat diberikan.

"Terdian dengan Akta ini, KPWKM turut melaksanakan Program Advokasi Antingangguan Seksual (AAGS) yang bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan," katanya.

Beliau berkata, sehingga 20 November lalu, sebanyak 66 program AAGS dilaksanakan pada tahun ini yang membabitkan seramai 19,423 peserta.

Lindungi hak wanita

Selain itu katanya, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga terlibat dalam pengurusan mangsa keganasan rumah tangga berdasarkan kuasa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

"Akta ini memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga, sama ada melalui Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau penempatan sementara di tempat selamat yang telah diluluskan.

"Ketika ini terdapat sebanyak 42 Rumah Selamat di seluruh Malaysia di mana pemandiri boleh mendapatkan sokongan dan perkhidmatan, untuk diri dan anak," katanya.

Nancy berkata, KPWKM juga bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWWI) untuk mewujudkan Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid di Wilayah Persekutuan.


"Sebanyak 12 masjid di Wilayah Persekutuan dipilih sebagai pusat aduan dan khidmat kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan khidmat nasihat, sokongan psikologi serta kaunseling dalam usaha membina masyarakat harmoni.

"Bagi pusat transit, mangsa boleh mendapatkan perlindungan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Masjid Al-Ghuffan Pinggiran Taman Tun Dr Ismail (TTDI).

"Tempat ini memberikan perlindungan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada lelaki atau wanita tanpa mengira agama," katanya.

Antara program program Majlis Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang diadakan ini adalah Taklimat Antingangguan Seksual, ceramah bertajuk Keganasan Terhadap Wanita dan Jenayah Seksual, sesi pengajaran seni mempertahankan diri, permainan interaktif dan kuiz.

Orang ramai turut diharap tampil dan melaporkan kes keganasan dengan menghubungi Talian Kasih 15999 atau melalui aplikasi WhatsApp 019-2615999.



Waris empat beradik ditinggalkan di Kompleks Kg Gajah sedang dikesan

Oleh Amirul Rabbani Rashid - 27 November 2023



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak, Datuk Salbiah Mohamed pada temu bual sempena Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 27 NOVEMBER 2023.

IPOH – Tiada sebarang kesan penderaan dikesan ke atas empat beradik yang ditinggalkan di hadapan Kompleks Pentadbiran Perak Tengah di Kampung Gajah, pada Khamis lalu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, ia diterima daripada hasil laporan pakar kesihatan kanak-kanak di Hospital Raja Permaisuri Bainun, dekat sini.

"Setakat ini masih belum ada mana-mana pihak dalam kalangan keluarga mereka yang tampil untuk membantu siasatan berhubung perkara ini. Dan kanak-kanak ini masih ditempatkan di hospital untuk tindakan lanjut.

"Namun pada masa sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang dalam usaha mendapatkan perintah mahkamah untuk menempat mereka di bawah institusi kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri di Bangunan Perak Darul Ridzuan, dekat sini, pada Isnin.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah serta Exco Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Teh Kok Lim.

Dalam pada itu Salbiah berkata, pihaknya masih dalam usaha untuk mengenal pasti waris kepada empat kanak-kanak malang itu termasuk daripada individu yang dikatakan sebagai nenek.

"Mungkin ada masalah-masalah tertentu yang menyebabkan mereka belum tampil. Namun apa pun, kita sedang menunggu (ahli keluarga tampil) bagi membolehkan siasatan dilanjutkan," katanya lagi.

Media sebelum ini melaporkan empat beradik berusia antara 10 bulan hingga 11 tahun ditinggalkan hadapan Kompleks Pentadbiran Perak Tengah di Kampung Gajah, pada Khamis lalu.

Mereka ditinggalkan di oleh seorang wanita tidak dikenali di di pondok pengawal kompleks berkenaan sekitar jam 10.50 pagi.

Dalam perkembangan berasingan, Salbiah memberitahu pihaknya masih lagi dalam usaha mengesan ibu bapa kepada seorang bayi lelaki yang ditemukan dalam sebuah beg di tepi longkang di Ayer Tawar, Manjung pada kelmarin. -MalaysiaGazette



4.6 tan barangan keperluan dihantar ke pengkalan hadapan Pulau Redang

Kategori: Nasional - Masa Membaca: 1 min - Jumlah kunjungan: 56



Beras adalah barangan utama yang dihantar JKM Terengganu

KUALA TERENGGANU, 27 November– Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan telah melakukan penghantaran barangan keperluan ke pengkalan hadapan Pulau Redang Kuala Nerus.

Penghantaran dilakukan dengan kerjasama Jabatan Taman Laut negeri.

Pengarah JKM Terengganu Mazura Ngah Abd Manan dalam satu kenyataan berkata barangan seberat 4.6 tan itu telah dihantar pukul 8.30 pagi tadi.

"Ini merupakan penghantaran kedua pihaknya ke pulau seluruh negeri kerana terdapat masalah berkaitan pengangkutan sebelum ini,"katanya dalam kenyataan tersebut.

Jelas Mazura, Jumaat lalu penghantaran pertama melibatkan 2.9 tan barangan keperluan asas yang telah dihantar ke Pulau Perhentian Besar.

Katanya, antara barangan keperluan asas yang dihantar termasuk beras, susu bayi, gula, biskut, minyak, air mineral, sardin dan meepon.

Menurut Mazura lagi barangan keperluan asas yang dihantar ke Pulau Redang untuk kegunaan 1,000 penduduk.

KM Terengganu telah selesai menghantar keperluan banjir ke 164 pengkalan hadapan seluruh negeri.



'Every child matters': NGO and corporate efforts continue to save marginalised children in Malaysia

By [Miald Hassan](#)



Yayasan Sime Darby chief executive officer Yarela Zainal Abidin and Yeevan Chow, EX founder Derek Hartini, Zainal have jointly been at the forefront of child protection efforts for over a decade. — Photos by Yusuf Haniffa

Monday, 27 Nov 2023 9:03 PM MYT

KUALA LUMPUR, Nov 27 — The word devotion may mean different things to different people. But for child rights activist Derek Hartini Zainuddin, it means going all out to defend the welfare, protection and rights of children in Malaysia for the past 43 years.

From a young age Hartini, has been involved with children's educational issues and children's rights. In 2006, she co-founded Yayasan Chow Kia (YCK) to be the first 24-hour one-stop child crisis centre in Malaysia.

The journey, however, wasn't a straightforward one. Funding and coping with the operating cost was one of the main challenges. To keep things going, Hartini needed a backbone for the cause and decided to knock on corporate doors starting from the Chow Kia district.

One of the corporate organisations Hartini decided to visit was Yayasan Sime Darby (YSD) at Wisma Sime Darby at Jalan Raja Laut where YSD was located at that time.

"I literally just walked in to give it a try."

The visit forged a partnership 12 years ago that has since gotten stronger.



Yayasan Sime Darby chief executive officer Yarela Zainal Abidin talks about the importance of having corporate partners involved in child protection initiatives. — Photos by Yusuf Haniffa

Recalling the visit, YSD chief executive officer Yarela Zainal Abidin said although they were familiar with Hartini and her efforts, they were unaware of the foundation.

"We noticed that the effort was in line with our 'education for all' objective and we saw Hartini had the potential to being YCK to greater heights."

The random visit by Hartini turned into a major collaboration which saw YSD pledging RM5.88 million sponsorship commitment for 15 years from June 2011 to May 2026.

Since 2011, YCK has assisted more than 620 undocumented children and youth under its home-schooling programme, and 985 underprivileged youth under the YCK education programme.

According to Yarela, YSD focuses on philanthropy programmes to complement government efforts to build the nation by filling in the critical gaps in society.

"YCK was a cause that came to our doorstep and we could see the potential."

Speaking about the consequences of not running such programmes, Yarela said children who are left on the streets are prone to wrongful activities.

"Today we see the impact as some of the children we look after are now going to school and university and have proper documentation."

"These are sustainable impacts that we need to amplify."



Yeevan Chow, EX founder Derek Hartini Zainuddin has dedicated 43 years of her life to advocating children's rights. — Photos by Yusuf Haniffa

Meanwhile, Hartini said one of the boys she picked up from the street 19 years ago is now 31 and does advocacy and social entrepreneurship and runs his business.

"We also had a Rohingya refugee child who joined us at the age of six and now at 22 he has settled in the US and is with the army."

"We can't put a price on these impacts."

Although various efforts have been made over the past few decades, Hartini said there are still many gaps to fill.

"Thanks to the advocates, today we don't get as many cases of violations against children."

Hartini, however, said a greater impact needs policy change and government involvement.

"We cannot make any changes without having decision-makers involved to change policies."

"We have the data to show that issues and gaps surrounding children do exist and we need to address them."

Echoing similar sentiment, Yarela said the collaboration between YSD and YCK has helped them to gather as much data to get a clear picture of the issues and also help them to move forward with the right strategies to address them.

Therefore, Yarela said it is vital to build more engagements with the government to ensure these efforts can be done at a national level with greater impact.

To achieve that, she said the cause needs a more holistic approach with many stakeholders jumping on the bandwagon.

"Apart from the government, we need more people, corporates, agencies and non-governmental organisations to embark on child protection initiatives," said Yarela adding that Sime Darby is the first corporate entity in Malaysia with a child protection policy.

Meanwhile, Hartini said keeping the initiative alive is costly and requires consistent cash flow to ensure the operation is uninterrupted.

The education programme alone costs YCK RM3 million annually which comprises salaries for the teachers, public awareness activities and operating costs.

YCK will be holding their inaugural Child Protection Townhall tomorrow in conjunction with World Children's Day 2023 at help university Jalan Semantan from 2pm until 5pm.

The Townhall will be bringing together various stakeholders including relevant ministries to engage and get the ball rolling.

Among the attendees are Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail and Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

For more information about the programmes surf click [here](#) for YSD's websites.



Persatuan Pembangunan Wanita Sabah mohon bantuan kerajaan

© 2023-11-27T12:40:57+08:00



TERIMA KASIH: Sarinah (tiga kanan) menyampaikan cenderahati kepada Madius ketika di majlis itu.

KOTA KINABALU: Persatuan Pembangunan Wanita Sabah memohon agar kerajaan dapat menyalurkan dana peruntukan kepada pertubuhan itu bagi mengadakan pelbagai aktiviti berfaedah.

Presidennya Sarinah Abdullah berkata, dana terbabit mampu menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang untuk manfaat para peserta khususnya ahli persatuan.


"Ini adalah harapan persatuan kepada kerajaan agar dapat meluluskan sejumlah dana berkaitan.

"Sejak persatuan ini diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 23 Februrari 2023, kami sudah mempunyai 350 ahli," katanya pada Majlis Perasmian dan Makan Malam Persatuan Pembangunan Wanita Sabah di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, persatuan itu memberi fokus melahirkan kaum wanita yang berpengetahuan serta berkemahiran melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang.

"Kita kini sudah mempunyai 11 cawangan di seluruh negeri, kita mensasarkan ahli kita dari kalangan ibu tunggal, wanita-wanita luar bandar dan wanita yang tidak mempunyai kerja serta dari golongan kumpulan B40," katanya.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.



Easy access to porn among reasons behind sex crimes against children, says Home Minister

By RAHIMY RAHIM, MARTIN CARVALHO and JUNAID IBRAHIM



NATION

Monday, 27 Nov 2023

10:25 AM MYT

KUALA LUMPUR: Easy access to pornographic content and materials has been cited as among the main reasons behind cases of sexual crimes against children, Parliament was told.

In a Parliamentary written reply, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said based on police investigations, other factors behind such cases include the high number of social media platforms that were easily accessible by anyone, including children.

Such platforms on the social media, he explained, was where most victims get to know the suspects and eventual become a victim of sexual harassment.

"Addiction to pornography also makes individuals want to try and engage in sexual activities, eventually leading themselves to get into various sexual offences," he said in a reply to a question from Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera).

Syerleena had asked the Home Ministry to state the number of cases of domestic violence, sodomy and sexual crime against children between 2018 and 2022.

Other factors include the breakdown in the family institution where some had engaged in sexual relationship and incest cases, he said.

"Many are left unsupervised and seek gratification and pleasure on their own, leading to involvement in sexual relationships," added the Home Minister.

According to Saifuddin, some 5,369 cases of sexual crime against children have been reported nationwide between 2018 and 2022.

"Based on the statistics according to the breakdown by age, it shows that children between the age of 13 and 15 years, represented the highest number of victims, with a total of 2,026 cases.

"The lowest number of cases is recorded for victims aged six and below, with a total of 405 cases," he said.

Within the same period, some 4,508 cases involved girls while 861 cases had involved boys, Saifuddin Nasution said.

Regarding the relationship between suspects and victims for cases reported within the same period, there were a total of 5,394 suspects, with some cases having more than one suspect, said the Home Minister.

"Cases involving suspects known to the victims as acquaintances recorded the highest number, specifically 1,151 cases," said Saifuddin Nasution.

He also revealed that there were a total of 5,460 offenders or suspects in sexual crime cases recorded between 2018 and 2022, with such cases investigated under the Child Sexual Offences Act 2017 (Act 792).



TAJUK : SUKU TEMIAR TEKAD CELIK HURUF BAIKI TARAF HIDUP

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 NOV 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Suku Temiar tekad celik huruf baiki taraf hidup

Gua Musang: Meskipun sudah menginjak usia 47 tahun, seorang wanita Orang Asli suku kaum Temiar dari Pos Blau, di sini tidak pernah berputus asa untuk belajar membaca melalui Program Pendidikan Literasi Fungsian Orang Asli (PLFOA).

Kegigihan Saedah Along, 47, membuahkan hasil apabila dia kini sudah mengenal huruf dan mengira hasil tunjuk ajar guru Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Dia gembira apabila kini sudah boleh membaca dan mengeja nama sendiri, selain dapat mengira.

Katanya, setiap hari dia bersama 20 pelajar menjalani sesi pembelajaran empat jam selama 23 hari.

"Jika sebelum ini saya memang langsung tidak tahu membaca dan mengira. Nama sendiri hanya tahu sebut, nak tulis atau eja memang tak tahu.

"Terima kasih Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pilih saya untuk menyertai program ini sehingga saya dapat membaca dan mengira," katanya ke-



Wanita Orang Asli mengikuti Program Pendidikan Literasi Fungsian Orang Asli di Pos Blau, Gua Musang.

tika ditemui pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil PLFOA di Dewan Merak, Kesedar Inn, di sini.

Saedah berkata, dia menyertai

kelas terbabit kerana bertekad untuk tidak buta huruf lagi dan berharap ilmu yang dipelajari dapat digunakan untuk mendidik anaknya.

"Kini kami masyarakat Orang Asli juga sudah sedar akan kepentingan bidang pendidikan, terutama untuk masa depan anak," katanya.

Pengarah JAKOA Kelantan dan Terengganu, Zarina Razlan, berkata PLFOA membantu membasmu masalah buta huruf dalam kalangan masyarakat Orang Asli dewasa di negeri ini.

Beliau berkata, modul pengajaran berasaskan kaedah 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira itu adalah usaha JAKOA dengan kerjasama KEMAS dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.

"Seramai 40 masyarakat Orang Asli yang berumur antara 15 sehingga 55 tahun di Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir dan Pos Blau terpilih untuk mengikuti program PLFOA pada tahun ini.

"Tahun ini RM40,000 diperuntukkan JAKOA untuk melaksanakan program PLFOA di dua buah penempatan terbabit," katanya.

Program PLFOA dilaksanakan sejak 2019 dan setakat ini, kira-kira 200 masyarakat Orang Asli di Kelantan menerima manfaat dan keluar daripada masalah buta huruf.



TAJUK : TUMPANG KASIH BAYI DITINGGAL IBU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 NOV 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tumpang kasih bayi ditinggal ibu

Wanita bujang ambil anak angkat lahir pramatang hidap jantung berlubang

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tidak pernah menganggap anak angkat yang diambil ketika berusia tiga bulan sebagai beban, Faizaitul Zubir, 40, sebaliknya menjaga Faiq Abdul Ghaffar penuh kasih sayang, meskipun dilahirkan pramatang, menghidap jantung berlubang dan ada masalah kulit.

Pengurus sebuah syarikat swasta yang masih bujang tetap rasa bertuah apabila mendapat hak penjagaan terhadap Faiq yang kini berusia dua tahun empat bulan dan dibesarkan dengan baik.

Faizaitul adalah anak kedua daripada lima beradik, belum berkahwin dan tinggal bersama ibu di kampung.

Perkenalan secara tidak sengaja dengan Pengerusi Persatuan Kebajikan Anak Kami (Anak Kami) membuka pintu hatinya untuk mengambil anak angkat.

"Saya sudah lama rasa hidup seperti tidak lengkap, sunyi dan kekosongan.

"Awalnya saya fikir boleh numpang kasih anak saudara, tetapi lama-kelamaan terbuka hati untuk memohon anak angkat," katanya.

Proses permohonan ini akhirnya berbaloi apabila Faizaitul dimaklumkan ada bayi lelaki memerlukan keluarga baharu.

"Saya dimaklumkan anak ini masih di hospital tanpa ibunya kerana masalah keluarga dan diserahkan kepada Anak Kami untuk diuruskan," jelasnya.

Susunan anak angkat

Tanpa banyak soal, Faizaitul bersejua memulakan proses mengambil anak angkat dan merancang menyukukannya.

"Ibu saya antara paling gembara dan banyak memberikan semangat serta dorongan.

"Selepas semuanya selesai, saya mengambil anak angkat ini diberi nama Faiq Abdul Ghaffar. "Dia dilahirkan pramatang,

pada 25 Jun 2021, iaitu dua bulan awal dan mengalami beberapa masalah kesihatan.

"Selepas dilahirkan, Faiq tinggal di hospital beberapa bulan sehingga doktor berpuas hati dengan perkembangannya.

"Saya ketika itu sudah memulakan rawatan hormon supaya dapat menyusukan Faiq," katanya.

Selepas dibenarkan keluar hospital, Faizaitul membawa Faiq ke sebuah hospital swasta bagi rawatan jantung berlubang, mudah penat dan masalah kulit, selain anak itu juga pernah diserang sawan akibat demam panas.

Faizaitul berkata, pada peringkat awal, wajah Faiq ditumbuhi bintik hitam seperti tahi lalat, namun masalah itu pulih sendiri apabila Faiq semakin membesar.

"Disebabkan status Faiq sebagai bayi pramatang, saya sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan dan tidak mudah panik walaupun terpaksa menghargai detik menakutkan seorang diri," katanya.

Kini, beliau lega apabila Faiq disahkan sihat dan tidak mengalami kesan jangka panjang akibat diserang sawan, namun kerap menghubungi doktor untuk me-



Faizaitul dan Faiz menyertai marathon Malaysia Premie Fun Run Dengkil, minggu lalu.

mantau perkembangannya.

Akuinya, bukan mudah membesarkan anak, namun bersyukur kerana keluarga terutama ibu amat menyayangi Faiq dan membantu mengurusnya.

"Faiq kini membesar seperti kanak-kanak seusianya dan lebih membanggakan kali per-

tama menyertai marathon Malaysia Premie Fun Run di Gamuda Cove, Dengkil, minggu lalu," katanya.

Pencapaian Faiq amat membebanggakan dan menjadi pembakar semangatnya untuk terus menghadapi apa juga cabaran yang bakal datang.



TAJUK : KAKITANGAN TASKA PERLU ADA ILMU ASAS JAGA BAYI, KANAK-KANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 NOV 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kakitangan taska perlu ada ilmu asas jaga bayi, kanak-kanak

Kuala Lumpur: Pengusaha taman asuhan kanak-kanak (Taska) perlu memastikan pekerja memiliki kecekapan dalam aspek kebolehan dan kecekapan bagi memastikan keselamatan anak jagaan mereka.

Pensyarah Kanan dan Perunding Psikologi Klinikal Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Selangor Dr Kartini Ilias berkata, individu berkenaan perlu mempunyai ilmu asas dalam penjagaan bayi dan kanak-kanak.

Menurutnya, sememangnya taska memerlukan pekerja yang terlatih

dan latihan secara dalaman secara berkala (*inhouse training*) juga boleh dilakukan.

“(Pengusaha) juga perlu mengetahui latar belakang pekerja termasuk aspek kesihatan mental kerana secara tidak langsung keadaan kesihatan mental pekerja juga boleh mempengaruhi prestasi kerja mereka.”

“Sekiranya pengusaha memilih untuk mengambil warga asing sebagai pekerja, (individu berkenaan) mesti mempunyai permit yang sah dan mengambil kira aspek kemahiran serta lain-lain yang berkaitan,”

“Periksa keadaan fizikal anak setibanya di rumah dan cuba beri perhatian sekiranya anak menunjukkan rasa sedih atau tidak mahu di hantar ke taska”

katanya ketika dihubungi, di sini.

Katanya, dalam aspek hukuman, pengusaha tadika juga wajar dikenakan tindakan mengikut undang-undang jika sesuatu tindakan itu dilakukan oleh pekerja atau penjaga.

“Peranan ibu bapa juga sangat penting dalam memastikan perkara itu (dera) dibendung daripada peringkat awal. Ibu bapa perlu memeriksa dan meman-

tau keadaan fizikal serta emosi anak mereka.

“Periksa keadaan fizikal anak setibanya di rumah dan cuba beri perhatian sekiranya anak menunjukkan rasa sedih atau tidak mahu di hantar ke taska. Perlu berkomunikasi dengan pengusaha atau penjaga taska dari semasa ke semasa,” katanya.

Katanya, kerajaan perlu memastikan dan mewajibkan pengusaha serta pe-

kerja mengikuti latihan asas pengurusan dan penjagaan kanak-kanak bagi mengurangkan risiko kecederaan dan bahaya di taska.

“Berdasarkan Peraturan 54 Peraturan-Peraturan Taska 2012, semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh wajib hadir dan lulus Kursus Asuhan Permata dalam tempoh 12 bulan bekerja. Justeru, pemeriksaan dan pemantauan lebih ketat perlu dilakukan ke atas premis penjagaan bayi dan kanak-kanak.

“Kerajaan juga boleh membantu dengan mem-

beri insentif bantuan daripada bayaran yuran untuk menggalakkan pengusaha mengantar pekerja menjalani latihan berkenaan,” katanya.

Metro Ahad melaporkan angka perbandingan menakutkan apabila lebih seorang bayi atau kanak-kanak menjadi mangsa dera penjaga taska dan pengasuh hampir setiap hari sejak lebih lima tahun lalu.

Dapatan itu berdasarkan sejumlah 3,666 mangsa direkodkan didera di seluruh negara sepanjang tempoh 2018 hingga Jun 2023 atau bersamaan 2007 hari.



TAJUK : MELAKA REKOD 211 KES DERA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 NOV 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka rekod 211 kes dera

Melaka: Melaka merekodkan sebanyak 211 kes dera sejak Januari hingga 31 Oktober lepas, kata Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nor-din.

Kalsom (BN-Pengkalan Batu) berkata jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 94 kes berbanding 117 kes pada tempoh sama tahun lalu.

“Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati, faktor kecuaihan ibu bapa atau penjaga menjadi faktor utama (kepada kes dera).

“Faktor lain yang menyumbang kepada penderaan ialah perbalahan keluarga akibat daripada masalah kewangan namun

setakat 31 Oktober lalu juga tiada kes penderaan melibatkan kematian,” katanya menjawab soalan tambahan Siti Faizah Abdul Azis (BN-Sungai Rambai), pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Melaka di Seri Negeri di sini, semalam.

Terdahulu, Kalsom menjawab soalan dikemukakan Siti Faizah sama ada kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk memberi bantuan khairat kematian kepada penerima bantuan JKM di negeri itu.

Menjawab soalan berkenaan, Kalsom berkata kerajaan negeri menerusi JKM menyalurkan bantuan secara sekali beri sebanyak RM200 kepada waris.



TAJUK :	NO TRACES OF ABUSE FOUND ON FOUR ABANDNED PERAK SIBLINGS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	28 NOV 2023	M/SURAT :	09
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM



Four children were discovered abandoned in front of the Perak Tengah District Administrative Complex in Kampung Gajah last Thursday. PIC COURTESY OF READER

KIDS AT HOSPITAL

No traces of abuse found on four abandoned Perak siblings

IPOH: There were no traces of abuse on the four siblings, aged between 10 months and 11 years, found abandoned at the Perak Tengah District Administrative Complex in Kampung Gajah last Thursday.

State Women, Family, Social Welfare and Entrepreneur Development Committee chairman Datuk Salbiah Mohamed yesterday said this was confirmed by the health report by medical ex-

perts from Raja Permaisuri Bainun Hospital here.

“Based on their health reports, there are no signs of abuse, and these four siblings are at the hospital for monitoring.

“The Social Welfare Department is seeking a court order so that these children can be placed at the Sultan Abdul Aziz Children’s Shelter Home in Kuala Kangsar.

“The department also confirms

that no family members have come forward, including those who claim to be their grandmother, as reported by the media.”


She said this after launching the state-level Family Day Celebration at Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Last Thursday, a trio of boys aged 11, 3 and 10 months old, along with their 6-year-old sister, were discovered in front of the complex.

They had been allegedly abandoned by their grandmother.

Perak Tengah police chief Superintendent Hafezul Helmi Hamzah had said police were investigating the case and tracking down the siblings’ parents or guardians.

Those who have any information about the case can contact investigating officer Inspector Mohd Hanif Dzulkifli, at 012-6477452.



TAJUK : 'SAVE KIDS FROM SEXUAL CRIMES'

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 28 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Save kids from sexual crimes'

Minister: Easy access to porn among main reasons for cases

EASY access to porn content and materials merely at a person's fingertips has been cited as among the main reasons behind cases of sexual crimes against children, the Parliament was told.

In a parliamentary written reply, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said based on police investigations, other factors behind such cases include the high number of social media platforms that were easily accessible by anyone, including children.

Such platforms, he explained, were where most victims get to know the suspects and eventually become victims of sexual harassment.

"Addiction to pornography also lured individuals to try and engage in sexual activities, and eventually getting involved in various sexual offences," he said in a reply to a question from Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera).

Syerleena had asked the Home Ministry to state the number of cases of domestic violence, sodomy and sexual crimes against children between 2018 and 2022.

Other factors include the breakdown in the family institution where some had engaged in sexual relationship and incest, he said.

"Many are left unsupervised

and seek happiness and pleasure on their own, leading to involvement in sexual relationships," he added.

According to Saifuddin Nasution, some 5,369 cases of sexual crimes against children were reported nationwide between 2018 and 2022.

"Based on the statistics according to the breakdown by age, children aged between 13 and 15 were the highest, with a total of 2,026 cases.

"The lowest number of cases involved victims aged six and below, with a total of 405 cases," he said.

Within the same period, some 4,508 cases involved girls, while

861 cases involved boys, Saifuddin Nasution added.

For the statistics related to the relationship between the suspects and victims reported within the same period, there were a total of 5,394 suspects, with some cases having more than one suspect, the Home Minister said.

"Cases involving suspects known to the victims recorded the highest number with 1,151 cases," he said.

He also revealed that there were a total of 5,460 offenders or suspects in sexual crime cases recorded between 2018 and 2022, with such cases investigated under the Child Sexual Offences Act 2017 (Act 792).



TAJUK :	ABANDONED SIBLINGS IN THE CARE OF WELFARE DEPT		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	28 NOV 2023	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Abandoned siblings in the care of Welfare Dept

IPOH: Four children who were abandoned at a government office here will be temporarily housed at a shelter under the Social Welfare Department (JKM).


Perak JKM director Nor Tipah Majin said this was a temporary measure while the department tracked down their parents, who have allegedly gone missing.

“Police are still trying to locate the parents and family members of the children. At the same time, JKM will focus on their care,” she told Bernama yesterday.

Medical tests at the Raja Permaisuri Bainun Hospital found them to be in good health and free of physical injuries.

The three boys – ages 11, three, and 10-months – and a six-year-old girl were dropped off at the guard house of the Perak Tengah District Administration Complex in Seri Iskandar last week.

Perak Tengah district police chief Supt Hafezul Helmi Hamzah had reportedly said that initial investigations found that the four were dropped off by a woman who drove away in a car.



TAJUK :	SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK INISIATIF TERBAIK TINGKAT KEBAJIKAN MEREKA: TIANG		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 NOV 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sambutan Hari Kanak-Kanak inisiatif terbaik tingkat kebajikan mereka: Tiang

SIBU: Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan II Datuk Michael Tiang menyifatkan tema sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2023 iaitu 'Hak Kami, Masa Depan Kami' merupakan inisiatif terbaik untuk meningkatkan martabat dan kehidupan kanak-kanak melalui peningkatan kebajikan.

Menurutnya, sambutan ini berperanan mengingatkan kita tentang tanggungjawab untuk memupuk, melindungi dan memperkasakan setiap kanak-kanak.

"Ia juga bagi memastikan kanak-kanak mempunyai peluang untuk berkembang



RAIKAN BERSAMA: So (tengah) merakam kenangan bersama peserta sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Bahagian SibU 2023 pada Sabtu lalu.

maju dan mencapai potensi sepenuhnya.

"Oleh itu, penting untuk kita memupuk masyarakat inklusif yang merangkumi kepelbagaian, menghormati hak kanak-kanak dan

menyediakan peluang yang sama untuk pembangunan holistik mereka (kanak-kanak)," katanya dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Kapitan So Teck Kee yang mewakilinya merasmikan

Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Bahagian SibU 2023 di Universiti Teknologi Sarawak (UTS) Sabtu lalu.

Tiang memberitahu, tema ini turut menekankan kepentingan menghormati dan

mengiktiraf hak kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelawan itu berkata, tema tersebut juga menyeru semua masyarakat sama ada sebagai ibu bapa, pendidik, pembuat dasar mahupun komuniti untuk mewujudkan persekitaran yang di dalamnya setiap kanak-kanak berasa dihargai, didengar dan disokong.

Lebih 400 kanak-kanak di sini telah menyertai sambutan tersebut yang dianjurkan oleh Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak SibU dan Pasukan Kebajikan Kanak-

Kanak SibU.

Program ini mempromosikan keperluan kebajikan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam memastikan mereka membesar dan berkembang dalam persekitaran yang baik, selamat dan terjamin.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan seperti pertandingan mewarna, peragaan pakaian, pendedahan kerjaya, ceramah Kesedaran Seksual Dalam Kalangan Remaja dan lain-lain.

Hadir sama Ketua Bahagian Pemulihan dan Perundangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Mohammad Hazam Ismail.